

NOTIS PEMBERITAHUAN PILIHAN RAYA KAMPUS (PRK) TAHUN 2026

POLITEKNIK SEBERANG PERAI

DIMAKLUMKAN BAHAWA PILIHAN RAYA KAMPUS MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR POLITEKNIK SEBERANG PERAI AKAN DIADAKAN PADA **4 FEBRUARI 2026 (ATAS TALIAN)**

SEHUBUNGAN DENGAN ITU, PARA PELAJAR YANG BERHASRAT UNTUK MENJADI CALON KERUSI UMUM (8 KERUSI) DAN KERUSI JABATAN (20 KERUSI) ADALAH DIALU-ALUKAN BAGI MENAWARKAN DIRI SEBAGAI CALON.

SYARAT-SYARAT DAN BORANG PENAMAAN CALON BOLEH DIDAPATI DI LAMPIRAN DAN DI JABATAN HAL EHWAL PELAJAR (JHEP) ATAU BOLEH DIMUAT TURUN DARI LAMAN WEB: www.psp.edu.my

**MAKLUMAT PENTING BAGI PILIHAN RAYA KAMPUS (PRK) TAHUN 2026
POLITEKNIK SEBERANG PERAI ADALAH SEPERTI BERIKUT:**



JABATAN HAL EHWAL PELAJAR
POLITEKNIK SEBERANG PERAI
15 JANUARI 2026

SYARAT – SYARAT:

1. Calon hendaklah menyediakan seorang pencadang dan seorang penyokong yang terdiri daripada pelajar (yang tidak dicalonkan untuk pilihan raya ini).
2. Pencalonan adalah terbuka kepada semua pelajar KECUALI:
 - a. Pelajar yang belum menduduki peperiksaan pertama di politeknik.
 - b. HPNM kurang daripada 2.75
 - c. Pelajar kursus secara sambilan.
 - d. Pelajar sedang menunggu keputusan perbicaraan tatatertib.
 - e. Pelajar yang dikenakan tindakan tatatertib.
 - f. Pelajar yang mempunyai tempoh baki pengajian kurang daripada setahun atau kurang dua semester berdasarkan tempoh pengajian minimum.
3. **Tarikh tutup penamaan calon** adalah pada **27 Januari 2026 (12.00 TENGAHARI)** dan serahan haruslah ke JABATAN HAL EHWAL PELAJAR PSP.

BILANGAN KERUSI YANG DIPERTANDINGKAN ADALAH KERUSI UMUM DAN JABATAN:

KERUSI UMUM

Bilangan kerusi umum yang bakal dipertandingkan adalah sebanyak 8 kerusi bagi mengisi struktur jawatan dibawah (Calon adalah bebas untuk semua jabatan akademik):

- i. YANG DI PERTUA (YDP)
- ii. NAIB YANG DI PERTUA I (STRATEGIK)
- iii. NAIB YANG DI PERTUA II (OPERASI)
- iv. SETIAUSAHA
- v. TIMBALAN SETIAUSAHA
- vi. NAIB SETIAUSAHA 1 (STRATEGIK)
- vii. NAIB SETIAUSAHA 2 (OPERASI)
- viii. BENDAHARI

KERUSI JABATAN

Bilangan Kerusi Jabatan yang dipertandingkan adalah sebanyak dua puluh (20) kerusi bagi mengisi struktur jawatan MPP seperti berikut:

- i. JABATAN PERDAGANGAN (5 KERUSI)
- ii. JABATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK (5 KERUSI)
- iii. JABATAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL (5 KERUSI)
- iv. JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (5 KERUSI)

**JABATAN HAL EHWAL PELAJAR
POLITEKNIK SEBERANG PERAI
15 JANUARI 2026**

MAKLUMAT TENTANG PENAMAAN CALON

1. BORANG PENAMAAN CALON PILIHANRAYA BOLEH DIDAPATI DI KAUNTER JHEP DAN BOLEH DI MUAT TURUN DARI WEB www.psp.edu.my
2. **TARIKH TUTUP PENYERAHAN BORANG ADALAH PADA 27 JANUARI 2026 (SEBELUM 12.00 TENGAHARI)** DAN SERAHAN BORANG HARUSLAH KE JABATAN HAL EHWAL PELAJAR POLITEKNIK SEBERANG PERAI.
3. SEBARANG BANTAHAN TERHADAP PENCALONAN HARUSLAH DIBUAT DENGAN MENGISI BORANG BANTAHAN CALON YANG BOLEH DIDAPATI DARI JHEP.

**TARIKH PENGUNDIAN PILIHANRAYA
ADALAH PADA
4 FEBRUARI 2026 (ATAS TALIAN)**

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR
POLITEKNIK SEBERANG PERAI
15 JANUARI 2026